

ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BIL. 2/ 1969

CARA MENGIRA CUKAI TALIAIR

Cukai air yang dikenakan atas tanah-tanah sawah yang mendapat perbekalan air untuk tanaman padi adalah cukai yang dikenakan dibawah Undang-Undang Drainage and Irrigation Ordinance 31/1953. Cara memungut cukai air ini ada ditetapkan dalam Sek. 8 Undang-Undang itu yang berkata :-

- ‘8. All sums for water under this ordinance shall be collected, so far as the same may be practicable, in the manner provided by law for the collection of land revenue.’

Sek. 8 ini bermaksud bahawa pungutan cukai air hendaklah menurut cara-cara pungutan hasil tanah dan maklina ‘hasil (rent)’ dalam K.T.N. termasuk juga cukai air; oleh itu maka cara mengira cukai air itu hendaklah menurut cara mengira hasil tanah.

2. Cara mengira hasil tanah ditetapkan dalam sek. 96(a)(iii) Kanun Tanah Negara yang berkata :

‘ In the case of country land, or any part of the foreshore or sea-bed, any area less than one quarter of an acre shall be counted as one quarter of an acre.’

Maksud peruntukan ini ialah sebahagian dari $\frac{1}{4}$ ekar dibulatkan menjadi $\frac{1}{4}$ ekar.

3. Pada masa ini didapati bahawa semua Pejabat-Pejabat Tanah yang ada memungut cukai air mengira cukai air menurut keluasan tanah yang sebenarnya dan tidak menurut cara perkiraan yang ditetapkan oleh undang-undang bagaimana yang diterangkan diatas. Dibawah ini ialah contoh mengira yang dibuat oleh Pejabat-pejabat Tanah dan cara menurut undang:-

Kadar Cukai air	Keluasan tanah yang dapat bekalan air	Cukai air menurut kira-kira yang telah dibuat	Cukai air yang betul menurut Undang-Undang
\$10/-se ekar setahun	.190 Depa 2,265	\$1.90 22.70	\$2.50 25.00

Daripada contoh diatas ini bolehlah diperhatikan bahawa hampir semua tanah-tanah yang membayar cukai air telah membayar kurang dan menimbulkan kerugian kepada Kerajaan.

4. Perkara ini telah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri yang memutuskan :-

- (i) cara mengira cukai air hendaklah menurut undang-undang bagaimana yang dinyatakan dalam perenggan I diatas dan dilaksanakan mulai tahun 1970;
- (ii) kekurangan cukai air bagi tahun ini dan tahun-tahun yang lalu itu dihapuskan.

5. Dengan adanya keputusan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri bagaimana kandungan perenggan 4(i) diatas, semua PHT yang berkenaan adalah diminta menyemak daftar hasil atau daftar cukai air supaya pungutan bagi tahun 1970 menurut perkiraan yang betul.

6. Semua Pejabat-Pejabat Tanah yang ada pemungut cukai air (Pasir Mas) dikecualikan diminta juga mengambil perhatian bahawa daftar hasil (Rent Roll) baharu yang telah pun siap dicetak oleh Pencetak Kerajaan, mengandungi ruangan tambahan khas untuk cukai air. Oleh yang demikian maka mana-mana mukim yang ada pungutan cukai air patutlah menggunakan daftar hasil baharu ini supaya segala bayaran berkenaan dengan menggunakan daftar berasingan bagaimana yang berlaku sekarang ini.

(Akasah bin H.A.Rahman)
Pesuruhjaya Tanah dan Galian,
Kelantan.

PEJABAT PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN.
KELANTAN, KOTA BHARU.

14hb. Ogos, 1969